

7-Eleven lantik GE Malaysia pasang lampu LED

 Tweet 11

 Like 476 Share

 g+1 2

KUALA LUMPUR: 7-Eleven Holdings Bhd akan bekerjasama dengan Bahagian Lampu GE Malaysia dalam projek bernilai RM7.12 juta untuk memasang penyelesaian lampu di kedai serbaneka.

GE Malaysia dalam projek bernilai RM7.12 juta untuk memasang penyelesaian lampu di kedai serbaneka.

Di bawah projek berkenaan, GE akan memasang lampu dan lekapan diod pemancar cahaya (LED) cekap tenaga pada lebih 1,700 kedai serbaneka di seluruh negara, kata kedua-dua syarikat itu dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

"Projek itu dijangka menghasilkan penjimatan tenaga bernilai RM8.54 juta setahun kerana penyelesaian lampu itu akan membantu 7-Eleven mengurangkan penggunaan tenaga dengan banyak berbanding lampu kalimantan yang diguna sekarang," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif 7-Eleven Malaysia, Gary Brown, berkata GE dipilih berdasarkan nilai cadangan keseluruhan produk, harga, jenama serta perkhidmatan.

Pengambilan Feb KLMUC

Daftar&Dapatkan RM200 Elaun Bulanan
Tertakluk pada terma & syarat



"Lampu LED adalah pilihan lampu yang cekap dan berdaya maju untuk kedai serbaneka kerana ia sejajar dengan misi syarikat untuk mengurangkan kos operasi keseluruhannya," katanya. - BERNAMA